

IGB beli tapak bekas Movie Animation Park Studios di Perak dengan harga RM43.65 juta

Oleh [BERNAMA](#) - November 18, 2025 @ 7:38pm



Movie Animation Park Studios

KUALA LUMPUR: IGB Bhd, melalui anak syarikat tidak langsung milik sepenuhnya, Bintang Sentral Sdn Bhd (BSSB), akan mengambil alih dua petak tanah pegangan bebas seluas 9.83 hektar di Bandar Meru Raya, Perak, dengan harga RM43.65 juta.

Ia berkata, pengambilalihan itu bersyaratkan kelulusan daripada Kementerian Ekonomi dan pihak berkuasa negeri untuk pemindahan tanah kepada BSSB, yang dijangka diperoleh dalam tempoh enam bulan selepas menandatangani perjanjian jual beli.

"Melainkan timbul keadaan yang tidak dijangka, pengambilalihan itu dijangka selesai pada separuh kedua 2026," katanya dalam satu kenyataan.

IGB menyatakan bahawa pengambilalihan itu akan meningkatkan kehadiran IGB di Perak, memberikan syarikat itu asas untuk memanfaatkan pertumbuhan dan kejayaan masa depan di negeri itu.

Ia berkata, tapak itu sangat sesuai untuk pembangunan bercampur komersial, sejajar dengan kepakaran lama syarikat dalam perniagaan terasnya.

"Tapak itu, yang sebelum ini diduduki oleh Movie Animation Park Studios, sangat berfaedah kerana ia sudah mempunyai infrastruktur sokongan di tempatnya.

"Petak tanah itu terletak secara strategik di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan (NSE), menawarkan pemandangan hadapan yang menonjol dari lebuhraya, ketersambungan yang baik ke Plaza Tol Ipoh Utara dan akses mudah untuk penumpang," tambahnya.

-BERNAMA